

B604

MAHATHIR - ADAT, '余'余'余
1981

PULAU PINANG, 24 MEI (BERNAMA) - TIMBALAN PRESIDEN UMNO YANG DIPILIH OLEH PARTI TIDAK SEMESTINYA MENJADI TIMBALAN PERDANA MENTERI, DEMIKIAN DIJELASKAN OLEH DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED.

KATANYA WALAUPUN SUDAH MENJADI SEMACAM ADAT YANG TIMBALAN PRESIDEN PARTI AKAN MENJADI TIMBALAN PERDANA MENTERI TIDAK SEMESTINYA ADAT ITU HARUS DIIKUTI.

BERUCAP MERASMIKAN PERSIDANGAN PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN BUKIT BENDERA DI SINI HARI INI, TIMBALAN PERDANA MENTERI, MENAMBAH ADA KETIKANYA ADAT ITU PERLU DIBELAKANGKAN.

MENURUTNYA ADA PEPATAH YANG MENGATAKAN +BIAR MATI ANAK JANGAN MATI ADAT+, TETAPI JIKA ANAK ITU MATI SIAPAKAH AKAN MEMBAWA ADAT.

KETIKA DIMINTA PENJELASAN OLEH PEMBERITA SELEPAS MAJLIS ITU, BELIAU BERKATA TIADA ADA UNDANG-UNDANG DI NEGARA INI YANG MENGATAKAN TIMBALAN PRESIDEN UMNO AKAN MENJADI TIMBALAN PERDANA MENTERI. - BERSAMBUNG 1948/BW

MAHATHIR-ADAT 2 PULAU PINANG

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KETIKA BELIAU DILANTIK MENJADI TIMBALAN PERDANA MENTERI OLEH DATUK HUSSEIN ONN, BELIAU SENDIRI WAKTU ITU HANYALAH NAIB PRESIDEN UMNO.

MENGENAI PERHIMPUNAN AGUNG PARTI ITU JUN DEPAN, BELIAU BERKATA SEHINGGA INI BELIAU SUDAH MENERIMA PENCALONAN UNTUK MEREbut JAWATAN TIMBALAN PRESIDEN DAN AKAN MENERIMA JUGA JIKA ADA PENCALONAN UNTUK JAWATAN PRESIDEN.

BELIAU YANG JUGA TIMBALAN PRESIDEN UMNO BERKATA ADA MENTERI-MENTERI BESAR SEKARANG TURUT MERASMIKAN PERSIDANGAN-PERSIDANGAN PERWAKILAN UMNO DI LUAR KAWASAN NEGERI MASING-MASING DAN IA MERUPAKAN SATU PERKEMBANGAN SIHAT.

KATANYA DENGAN CARA ITU AHLI-AHLI UMNO DI NEGERI LAIN DAPAT MENGENAL SECARA LEBIH DEKAT DENGAN MENTERI-MENTERI BESAR NEGERI LAIN DAN DAPAT MEMILIH PEMIMPIN YANG BETUL JIKA MEREKA BERTANDING UNTUK MEREbut KERUSI DALAM MAJLIS TERTINGGI UMNO.

MENURUTNYA SELAMA INI AHLI-AHLI UMNO HANYA MENGENAL MEREKA MELALUI LAPORAN-LAPORAN AKHBAR ATAU KHBAR-KHBAR ANGIN SAHAJA DAN TIDAK MENGETAHUI SECARA TEPAT TENTANG WATAK ATAU SIKAP BAKAL PEMIMPIN MEREKA. --BERSAMBUNG 1950/BW

B606

MAHATHIR-ADAT 3 PULAU PINANG

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERITAHU TERDAPAT SETENGAH-SETENGAH AHLI UMNO YANG BUKAN SEORANG PEMIMPIN BERLAGAK SEPERTI PEMIMPIN SERTA SOMBONG.

KATANYA PARA PERWAKILAN UMNO HENDAKLAH MEMILIH BAKAL PEMIMPIN MEREKA DENGAN BIJAK KERANA JIKA TERSILAP PILIH, PERJUANGAN UMNO AKAN MENJADI HANCUR.

KATANYA, BELIAU SENDIRI TIDAK MAHU MEMBERI PENILAIAN TERHADAP CALON-CALON YANG AKAN BERTANDING DALAM PERHIMPUNAN AKAN DATANG.

MENURUTNYA SESIAPA SAHAJA YANG TERPILIH KELAK AKAN MESTI BEKERJASAMA DENGAN PARTI SECARA KOLEKTIF DAN MENERIMA SAHAJA APA KEPUTUSAN YANG DIBUAT OLEH PARTI. --BERNAMA 1953/BW

10518